

25/05/2000

Usaha mantapkan pencapaian Asnita

GENAP dua tahun Dana Amanah Saham Wanita (Asnita) sejak dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad sejak 5 Mei tahun 1998.

Asnita yang diuruskan Syarikat Hijrah Unit Trust Management Berhad berjaya mengumumkan tiga kali dividen iaitu lapan peratus pada 28 Disember 1998, 10 peratus pada Jun 1999 dan 10 peratus lagi pada Disember tahun yang sama.

Menurut Pengerusi Eksekutif, Rohani Datuk Mohd Shahir, sepanjang dua tahun ini juga pelbagai usaha dan tindakan dijalankan bagi memantapkan lagi pencapaian prestasi dana Asnita.

"Sehingga pada 28 April tahun ini, unit Asnita telah berjaya dijual 227.7 juta dan daripada jumlah itu, 227,140,646.86 unit dijual kepada pemegang pelabur sementara baki yang masih dipegang oleh pengurus dana adalah sebanyak 559,353.14 unit.

"Dari segi statistiknya, jumlah pelabur kami adalah 76,822 sebagai pelabur persorangan dan pelabur akaun bersama, manakala 98 lagi adalah pelabur akaun korporat," jelasnya.

Jumlah jualan ialah 47,806,509.27 unit bernilai sebanyak RM32,847.036.50 dan jualan terkumpul sebanyak 227,110,500.01 unit dengan nilai RM158,284,944.61.

Untuk memantap dan mengekalkan pencapaian terbaik, Hijrah Unit Trust Management bercadang memperkembangkannya untuk memenuhi tuntutan kesejahteraan masyarakat.

Sehubungan itu, beberapa siri lawatan usaha sama diadakan dimulai pertemuan di Abu Dhabi, Negara Emiriyah Arab Bersatu bertujuan mewujudkan usaha sama dalam industri kewangan antarabangsa yang berteraskan syariah.

"Dalam konteks perkembangan dan pembangunan ekonomi khususnya bagi kaum wanita di Malaysia, kami turut menyediakan program Perancangan Kewangan yang disusun dan dijalankan pada Sabtu pertama setiap bulan bertujuan memberi pendedahan cara mengurus ekonomi rumah tangga dengan bijak.

"Di samping itu, kami berusaha memperluaskan usaha sama di kalangan usahawan wanita tempatan dengan luar negara.

"Kami menemui Penasihat Peribadi kepada isteri Presiden Abu Dhabi, Dr Maitha Salem Al-Shamsi untuk melihat sejauh mana kerjasama perniagaan dapat dimanfaatkan kedua-dua pihak untuk pembangunan ekonomi," jelasnya.

Justeru, sempena ulang tahun kedua, Asnita giat mengadakan kerjasama erat antara Kementerian Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat dan Hijrah Unit Trust Management untuk menubuhkan Penubuhan Yayasan Asnita yang bermatlamat membantu wanita di negara ini terutama ibu tunggal.

Dalam usaha ke arah itu juga, Hijrah Unit Trust Management menawarkan dua biasiswa pembiayaan pengajian bernilai RM5,000 setahun kepada dua anak pelabur yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam. Mereka adalah Siti Masura Subhi dan Nor Farahazreen Mohd Idris.

Sementara, sejajar sambutan awal Muharram dialaf baru ini, Ahmad Harith Daniel Mohd Zubir dipilih sebagai Bayi Hijrah. Syarikat itu membuat tambungan untuk Harith bernilai RM100 sebulan sehinggalah dia berusia 18 tahun.

Hanya pada bulan pertama Hijrah Unit Trust Management membayar secara penuh tetapi bulan berikutnya, nilai itu dikurangkan RM5 bertujuan ibu bapa bayi itu dapat mencukupi nilai berkenaan.

Menurut ibunya, Hanizah Abdul Majid, Harith yang dilahirkan pada jam 9.32 malam di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), menyifatkan

anak sulungnya itu membawa buah untuk mereka sekeluarga.
(END)